

19 JAN 2001

Mahathir-Sharp

MAHATHIR PELAWA SHARP BUKA KILANG LCD DI MALAYSIA

Oleh: D.Arul Rajoo

OSAKA, JEPUN, 19 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempelawa Sharp Corporation menubuhkan kilang pengeluaran Paparan Cecair Kristal (LCD) di Malaysia.

Dr Mahathir berkata Sharp yang membuka kilang pengeluaran pertamanya untuk eskport di Kedah pada 1974, akan menimbang untuk mengembangkan operasinya di Malaysia melalui pembukaan kilang LCD.

"Saya berterima kasih kepada Sharp kerana sumbangan berterusannya kepada ekonomi Malaysia dan berharap semasa syarikat membangunkan teknologi baru, terutama LCD, Sharp akan memilih Malaysia," katanya semasa melawat Kilang LCD Sharp di bandar raya Tenri, dekat sini.

Dengan memilih Malaysia sebagai loksai kilang pengeluaran LCD, Dr Mahathir berkata Sharp yang telah menyumbang RM5.8 bilion kepada eksport Malaysia tahun lepas, berupaya meningkatkan pelaburan, memindah teknologi dan melatih para pekerja Malaysia.

Semasa lawatan itu, Perdana Menteri juga melawat Dewan Memorial dan Teknologi Sharp dan diberi taklimat mengenai sejarah firma serta menyaksikan pelbagai produk yang dihasilkan.

Kilang LCD di Tenki yang beroperasi sejak 14 tahun lepas mengeluarkan tiga juta keping LCD sebulan atau satu pertiga daripada jumlah pengeluaran Sharp.

Aplikasi bagi LCD kini bukan setakat digunakan dalam mesin pengira dan jam digital, malah meliputi produk lain termasuk pemproses perkataan, televisyen dan sistem video dalam tren.

Sejak diasaskan pada 1912, Sharp telah membangun dan menghasilkan pelbagai produk yang pertama kali dihasilkan di Jepun dan dunia, bermula daripada pensil Ever-Sharp, yang menjadi nama syarikat itu, kepada set radio, oven mikro, mesin pengira elektronik, sel solar dan LCD ViewCams.

Presiden Sharp Corporation, Katsuhiko Machida berkata syarikat itu berpuas hati dengan operasi di Malaysia dan ia dijayakan menerusi kerjasama erat, bimbingan dan sokongan daripada kerajaan dan rakyat Malaysia.

Katsuhiko berkata, Sharp menyumbang RM6.8 bilion atau 2.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar dan RM5.8 bilion atau 1.6 peratus eskport tahun lepas.

"Di Malaysia, kami menghasilkan pelbagai jenis produk, termasuk televisyen warna, perakam video, pembersih vakum dan alat perakam. Tahun lepas kami mula menghasilkan pemain DVD dan projektor LCD. ...Malaysia telah menyertai Jepun sebagai pengilang paling penting Sharp," katanya.

Katsuhiko berkata LCD akan digunakan secara meluas pada abad ke-21 dengan kemunculan masyarakat Teknologi Maklumat apabila produk lebih ringan, kecil dan menggunakan tenaga yang lebih rendah, menjadi pilihan.

-- BERNAMA

AR AZZ LAT